Johnson&Johnson

Tatakelakuan Perniagaan

Hayati Credo Kami, fahami Tatakelakuan Perniagaan kita

Credo Kami

Kami percaya bahawa tanggungjawab utama kami adalah kepada pesakit, doktor dan jururawat, kepada ibu dan bapa serta semua yang menggunakan produk dan khidmat kami. Untuk memenuhi keperluan mereka, semua yang kami lakukan mesti berkualiti tinggi. Kami mesti sentiasa berusaha untuk memberikan nilai, mengurangkan kos dan mengekalkan harga yang berpatutan. Tempahan daripada pelanggan mesti diurus dengan segera dan tepat. Rakan niaga kami mesti mempunyai peluang untuk mendapat keuntungan yang berpatutan.


Kami bertanggungjawab terhadap para pekerja yang bekerja dengan kami di seluruh dunia. Kami mesti menyediakan persekitaran kerja yang inklusif, iaitu tempat yang setiap pekerja mesti dianggap sebagai seorang individu. Kami mesti menghormati kepelbagaian dan maruah mereka serta mengiktiraf kebolehan mereka. Mereka mesti memiliki rasa terjamin, kepuasan dan keazaman dalam pekerjaan mereka. Pampasan perlu adil dan mencukupi, dan suasana tempat kerja mesti bersih, teratur dan selamat. Kami mesti menyokong kesihatan dan kesejahteraan pekerja kami serta membantu mereka memenuhi tanggungjawab kekeluargaan dan tanggungjawab peribadi mereka yang lain. Pekerja perlu berasa bebas untuk memberikan cadangan dan membuat aduan. Mesti ada peluang yang adil untuk pekerjaan, pembangunan, dan kenaikan pangkat kepada semua yang layak. Kami mesti menyediakan pemimpin yang berkebolehan tinggi dan tindakan mereka mestilah adil dan beretika.

Kami bertanggungjawab terhadap masyarakat di kawasan kami tinggal dan bekerja serta kepada masyarakat dunia. Kami mesti membantu orang ramai menjadi lebih sihat dengan menyokong akses dan penjagaan yang lebih baik di lebih banyak tempat di seluruh dunia. Kami mesti menjadi warga yang baik — menyokong kerja amal dan kebajikan, kesihatan dan pendidikan yang lebih baik, serta menanggung kewajipan cukai yang sewajarnya. Kami mesti menjaga harta benda yang kami gunakan, memelihara alam sekitar dan sumber-sumber asli.

Tanggungjawab terakhir kami adalah terhadap pemegang saham kami. Perniagaan mesti menghasilkan keuntungan yang baik. Kami mesti menguji idea-idea baharu. Penyelidikan mesti diteruskan, program inovatif dibentuk, pelaburan dibuat untuk masa depan dan kesilapan mesti dibayar ganti rugi. Peralatan baharu mesti dibeli, fasiliti baharu disediakan dan produk baharu dilancarkan. Simpanan mesti disediakan untuk bekalan pada waktu sukar. Apabila kami beroperasi berpandukan prinsip-prinsip ini, para pemegang saham dapat menikmati pulangan yang baik.

Johnson&Johnson

Kelakuan kita, Credo Kami, masa depan kita



Surat daripada Joaquin Duato

Penjagaan kesihatan berubah pada kadar yang dramatik. Penjagaan kesihatan dikuasakan oleh sains dan teknologi serta akan lebih maju dalam dekad ini berbanding abad yang lalu. Kepantasan ini memberikan peluang kepada Johnson & Johnson—bersama dengan tanggungjawab untuk menavigasi perubahan ini dengan cara yang beretika dan patuh.

Sebagai sebuah syarikat global yang terkemuka, kita mengikuti kemajuan teknologi dengan memastikan tenaga kerja kita serta individu dan syarikat yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita telah dilengkapi untuk membuat keputusan yang betul dan mengambil tindakan yang betul. Tatakelakuan Perniagaan kita menyediakan asas untuk dasar, prosedur dan garis panduan kita dengan mengekalkan diri kita dan amalan perniagaan kita pada standard yang tertinggi. Tatakelakuan Perniagaan kita juga menggariskan tanggungjawab kita untuk melayan orang secara adil, menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan bertindak dengan integriti yang tertinggi.

Semua ini berlandaskan Credo Kami, sebuah set nilai yang telah memberikan inspirasi selama lebih daripada 80 tahun kepada pekerja kita pada setiap hari untuk mengutamakan keperluan dan kesejahteraan orang yang menerima perkhidmatan kita.

Credo Kami dan Tatakelakuan Perniagaan kita adalah penting untuk membolehkan Johnson & Johnson memenuhi misi kita bagi meningkatkan kesihatan kepada manusia.

Saya berbangga untuk memimpin sebuah syarikat global yang berusaha untuk menjadi model kepada perniagaan beretika. Kejayaan berterusan kita bergantung kepada semua pekerja di seluruh dunia, pada semua peringkat, dalam semua pasaran di tempat kita beroperasi, melakukan perkara yang betul untuk pesakit yang menerima perkhidmatan kita. Itulah sebabnya semua pekerja mempunyai tanggungjawab untuk membaca, mengakui dan mematuhi Tatakelakuan Perniagaan kita.

Komitmen yang tidak goyah terhadap tingkah laku kepimpinan yang beretika dan patuh ini ialah cara Johnson & Johnson akan mengubah masa depan penjagaan kesihatan kepada pesakit dan rakan kongsi kita untuk beberapa tahun akan datang.

Joaquin

Joaquin Duato

Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif

Isi kandungan

Pengenalan

Apakah Tatakelakuan Perniagaan Johnson & Johnson? 06

Mengapakah kita mempunyai Tatakelakuan Perniagaan dan mengapakah kita mesti mematuhinya? 06

Siapakah yang mesti mematuhi Tatakelakuan Perniagaan ini? 06

Di manakah tempat untuk mendapatkan nasihat dan panduan tentang Tatakelakuan Perniagaan kita? 07

Tanggungjawab setiap pekerja 08

Tanggungjawab setiap pengurus 08

Cara kita menjalankan perniagaan kita

Tugas setiap pekerja 10

Pembangunan, kelulusan, pembuatan, penjualan dan pemasaran farmaseutikal serta teknologi dan perkhidmatan perubatan 10

Undang-undang antirasuah dan antipenyelewengan 11

Undang-undang antitrust dan persaingan 11

Pematuhan perdagangan global: undang-undang antiboikot dan sekatan perdagangan 11

Hak asasi manusia 12

Pembayaran "negara ketiga" 12

Aktiviti politik 12

Perolehan awam 13

Pembelian adil 13

Kelestarian serta undang-undang dan peraturan alam sekitar 13

Kebajikan haiwan 13

Privasi 13

Layanan adil kepada pekerja

Penglibatan tenaga kerja kita 15

Tanpa diskriminasi dan mencegah gangguan dan buli 15

Persekitaran kerja yang selamat dan sihat 15

Penggunaan media sosial dan aplikasi pemesejan mudah alih 16

Integriti kewangan dan melindungi aset kita

Ketepatan rekod Syarikat dan laporan awam 18

Penggunaan aset Syarikat 19

Harta intelek dan maklumat perniagaan yang sulit 19

Penggunaan Kecerdasan Buatan Generatif 20

Menghormati rahsia perdagangan dan maklumat sulit 21

Pematuhan terhadap undang-undang sekuriti dan perdagangan orang dalam 21

Konflik kepentingan

Bilakah berlakunya "konflik kepentingan"? 23

Hadiah, hiburan, hospitaliti, perjalanan dan benda lain yang bernilai 24

Pelaburan peribadi, transaksi dan kepentingan perniagaan luar 25

Ahli keluarga dan hubungan peribadi yang rapat 25

Keahlian lembaga di luar Syarikat 26

Pengenalan

Pengenalan

Apakah Tatakelakuan Perniagaan Johnson & Johnson?

Nilai dan prinsip yang dinyatakan dalam Credo Kami berfungsi sebagai kompas kita; Tatakelakuan Perniagaan Johnson & Johnson ("Tatakelakuan Perniagaan") ialah pelan perjalanan yang membantu kita terus sejajar dengan nilai-nilai tersebut.

Tatakelakuan Perniagaan ini menetapkan keperluan asas untuk tingkah laku perniagaan dan berfungsi sebagai asas kepada dasar, prosedur dan garis panduan Syarikat kita yang kesemuanya memberikan panduan tambahan mengenai tingkah laku yang diharapkan.

Mengapakah kita mempunyai Tatakelakuan Perniagaan dan mengapakah kita mesti mematuhinya?

Kita mesti mempelajari, memahami dan mematuhi Tatakelakuan Perniagaan kita agar terus beroperasi dan mengekalkan reputasi kita sebagai sebuah syarikat yang mendahulukan keperluan orang ramai yang menerima perkhidmatan kita di seluruh dunia.

Pematuhan terhadap Tatakelakuan Perniagaan kita ini menitikberatkan usaha mewujudkan persekitaran yang terbuka dan jujur supaya kita boleh mencapai kerja terbaik secara sah dan berintegriti. Di samping itu, kita boleh berbangga dengan cara kita mengatasi cabaran dan mencapai kejayaan kita.

Setiap kali kita menyedari ada pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan, dasar Syarikat atau undang-undang, kita akan bertindak menangani masalah itu dan mengelakkan kejadian yang sama pada masa hadapan. Bergantung pada keadaan, langkah-langkah pembetulan dan pencegahan mungkin merangkumi latihan, kaunseling, kawalan yang dipertingkat dan tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Anda bertanggungjawab untuk tampil bersuara apabila anda berada dalam situasi atau sedar tentang situasi yang anda percaya mungkin melanggar atau membawa kepada pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan, dasar Syarikat atau undang-undang.

Prosedur Pengajuan kita menghendaki setiap pekerja terus melaporkan pelanggaran yang berpotensi dan serius terhadap dasar, undang-undang atau perkara lain yang membimbangkan kita kepada Ketua Eksekutif Audit Johnson & Johnson secara lisan atau bertulis termasuk melalui e-mel ke chiefauditexecutive@its.jnj.com.

Siapakah yang mesti mematuhi Tatakelakuan Perniagaan ini?

Semua pekerja Keluarga Syarikat Johnson & Johnson dikehendaki memahami dan mematuhi Tatakelakuan Perniagaan, dasar Syarikat dan undang-undang yang mengawal aktiviti mereka. Bersama-sama Credo Kami dan dasar Syarikat yang lain, Tatakelakuan Perniagaan membantu kita membuat keputusan dan mengambil tindakan yang betul tanpa mengira lokasi kita bekerja atau jenis kerja yang kita lakukan.

Kita percaya bahawa setiap pekerja merupakan pemimpin tanpa mengira tanggungjawab kerja, nama jawatan atau fungsi pekerjaan. Dengan mematuhi Tatakelakuan Perniagaan kita, kita semua menjadi model peranan kepada rakan sebaya, rakan niaga, pelanggan dan orang lain yang melihat kita bertindak setiap hari.

Pengurus pekerja mempunyai tanggungjawab tambahan sebagai model peranan positif dalam setiap aspek dan perlu membantu pekerja menyemak, memahami dan mengaplikasikan Tatakelakuan Perniagaan.

Individu dan syarikat yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita juga mesti mematuhi Tatakelakuan Perniagaan kita selain dasar Syarikat lain yang berkaitan. Peruntukan yang diterima pakai dalam Tatakelakuan Perniagaan ini hendaklah disertakan dalam kontrak pembekal pihak ketiga, pengilang, kontraktor, vendor dan pengedar yang menjalankan perniagaan bagi pihak Keluarga Syarikat Johnson & Johnson.

Cara untuk membuat keputusan yang betul

Apabila berhadapan dengan keputusan kelakuan perniagaan yang sukar, sila tanya soalan-soalan ini:

- Adakah kelakuan itu melanggar Tatakelakuan Perniagaan Johnson & Johnson, dasar Syarikat atau undang-undang?
- Adakah kelakuan itu bertentangan dengan tanggungjawab Credo Kami?
- Adakah kelakuan itu kelihatan tidak beretika kepada pihak berkepentingan di luar Syarikat kita?
- Adakah kelakuan itu akan memudaratkan reputasi saya atau reputasi Johnson & Johnson?

Jika jawapan kepada mana-mana soalan ini ialah "YA", lihat halaman seterusnya untuk mendapatkan nasihat dan panduan.

Di manakah tempat untuk mendapatkan nasihat dan panduan tentang Tatakelakuan Perniagaan kita?

Kita menetapkan proses, panduan dan prosedur untuk membantu anda mematuhi Tatakelakuan Perniagaan ini, dasar Syarikat dan undang-undang.

Manfaatkan kepelbagaian keupayaan, sumber dan kepakaran yang wujud di seluruh dunia dalam Johnson & Johnson termasuk:

- **Pengurus dan kepimpinan kanan** dalam organisasi anda bersedia menjawab soalan dan pada umumnya sudah biasa dengan garis panduan Syarikat yang diterima pakai untuk aktiviti perniagaan dalam organisasi anda.
- **Sumber Manusia/Perkhidmatan Global** boleh menerangkan dan menjawab soalan tentang dasar pekerjaan, manfaat dan isu di tempat kerja.
- **Pertubuhan Undang-undang Global** boleh membantu menerangkan dan mentafsirkan Tatakelakuan Perniagaan ini serta boleh memberikan panduan tentang cara untuk menjalankan perniagaan bagi pihak Johnson & Johnson dengan mematuhi undang-undang.
- **Privasi** boleh memberikan maklumat dan nasihat tentang privasi dan perlindungan maklumat peribadi bagi pihak berkepentingan kita.
- **Pematuhan Penjagaan Kesihatan** boleh menawarkan nasihat dan panduan mengenai interaksi kita dengan penjaga kesihatan profesional, entiti penjagaan kesihatan, pegawai kerajaan, entiti pembelian kerajaan dan perantara pihak ketiga.
- **Kualiti & Pematuhan/Keselamatan Perubatan/Kesihatan & Keselamatan Alam Sekitar** boleh menerangkan dan menjawab soalan mengenai pematuhan kualiti, keselamatan, keberkesanan dan peraturan yang berkaitan dengan produk dan proses rantaian bekalan kita termasuk alam sekitar, kesihatan dan keselamatan.
- **Keselamatan Global/Keselamatan Maklumat & Pengurusan Risiko** melindungi pekerja, aset, sistem pengkomputeran dan rekod Keluarga Syarikat Johnson & Johnson di seluruh dunia. Hubungi pihak keselamatan tempatan jika terdapat bahaya atau ancaman langsung di tempat kerja.
- **Talian Integriti Credo Kami** (ourcredointegrityline.com) tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Talian tersebut bebas, selamat dan sulit. Ia menyediakan saluran kepada semua orang (termasuk pekerja, rakan niaga, pelanggan, pengguna dan orang lain) untuk melaporkan kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan kita, dasar syarikat yang lain atau undang-undang dan peraturan yang berkenaan di negara kita beroperasi.
- **Prosedur Pengajuan Johnson & Johnson** menetapkan prosedur pengajuan yang menghendaki setiap pekerja terus melaporkan pelanggaran yang berpotensi dan serius terhadap dasar, undang-undang atau perkara lain yang membimbangkan kita kepada Ketua Eksekutif Audit Johnson & Johnson secara lisan atau bertulis termasuk melalui e-mel ke chiefauditexecutive@its.jnj.com.



Tanggungjawab setiap pekerja

Kita bergantung kepada pekerja kita untuk membantu menguatkuasakan Tatakelakuan Perniagaan ini bagi memenuhi tanggungjawab Credo Kami serta mengekalkan dan memperkukuh budaya dan reputasi kita. Jika anda fikir ada berlaku pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan, atau jika anda merasakan sesuatu aktiviti atau tingkah laku boleh membawa kepada pelanggaran, sudah menjadi tanggungjawab anda untuk tampil bersuara.

Tampil bersuara—dengan mengemukakan soalan dan melaporkan kebimbangan, anda melakukan perkara yang betul dan membantu Syarikat kita menghentikan atau menghalang salah laku.

Sama ada anda melaporkan secara tanpa nama atau memberikan nama anda, anda perlu memberikan sebanyak mungkin butiran supaya isu itu boleh ditangani secara menyeluruh dan segera. Selain itu, anda bertanggungjawab untuk bekerjasama dalam siasatan.

Syarikat kita tidak bertolak ansur terhadap tindakan balas kepada sesiapa yang membangkitkan kebimbangan di bawah Tatakelakuan Perniagaan ini atau membantu siasatan.

Kita tidak bertindak balas.

Mana-mana pekerja yang terlibat dengan tindakan balas akan dikenakan tindakan disiplin yang boleh merangkumi penamatan pekerjaan.

Tanggungjawab setiap pengurus

Sebagai pengurus pekerja, anda mempunyai tanggungjawab yang istimewa dan penting untuk menjadi teladan dan bertindak selaras dengan Tatakelakuan Perniagaan kita. Dengan menetapkan nada dan kelakuan yang betul, pengurus memberikan inspirasi kepada semua pekerja untuk memenuhi standard kita.

Berikut ialah garis panduan penting yang patut anda ikuti:

- Bertindak sebagai model peranan, menunjukkan tingkah laku beretika semasa melaksanakan tugas anda.
- Membuat keputusan objektif berkaitan dengan perniagaan.
- Menyemak Tatakelakuan Perniagaan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan pekerja anda.
- Membantu pekerja memahami Tatakelakuan Perniagaan dan dasar Syarikat serta menghalakan mereka kepada sumber untuk membantu mereka mengamalkan Tatakelakuan Perniagaan setiap hari.
- Memastikan pekerja sedar dan dilatih dengan betul mengenai undang-undang, peraturan dan dasar Syarikat berkaitan yang mengawal aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh mereka bagi pihak Syarikat.
- Mewujudkan persekitaran yang memupuk dan memungkinkan tingkah laku beretika iaitu keadaan yang membolehkan pekerja selesa untuk tampil bersuara tanpa takut berlaku tindakan balas.
- Mengambil serius terhadap sebarang kebimbangan dibangkitkan oleh pekerja yang menjejaskan Tatakelakuan Perniagaan dan menentukan sama ada isu tersebut patut diajukan. Jika ya atau anda tidak pasti, ajukan isu itu secepat mungkin.
- Mengambil tindakan pembetulan atau pencegahan apabila seseorang melanggar Tatakelakuan Perniagaan.
- Menyokong sepenuhnya sebarang siasatan.

Dapatkan nasihat apabila anda tidak pasti atau mungkin mendapatkan manfaat daripada perspektif tambahan.



Cara kita menjalankan perniagaan kita

“Kami percaya bahawa tanggungjawab utama kami adalah kepada pesakit, doktor dan jururawat, kepada ibu dan bapa serta semua yang menggunakan produk dan khidmat kami.”

Credo Kami

Cara kita menjalankan perniagaan kita

Tugas setiap pekerja

Setiap pekerja bertanggungjawab untuk membiasakan diri dan mematuhi undang-undang, peraturan serta dasar dan prosedur Syarikat berkaitan yang mengawal aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pekerja.

Pembangunan, kelulusan, pembuatan, penjualan dan pemasaran farmaseutikal serta teknologi dan perkhidmatan perubatan

Credo Kami menyatakan bahawa semasa memenuhi keperluan pesakit, doktor, jururawat, ibu, bapa dan semua pihak lain yang menggunakan produk dan perkhidmatan kita, semua tindakan kita mestilah berkualiti tinggi. Komitmen ini meliputi semua yang kita lakukan untuk membawa produk dan perkhidmatan kita kepada orang yang menggunakannya.

Kita berhasrat untuk mencapai standard dan tahap integriti yang tertinggi untuk setiap aktiviti perniagaan ini dengan:

- Mematuhi undang-undang, standard dan peraturan yang terpakai pada produk dan proses kita (seperti peraturan dan standard kualiti);
- Mendukung standard etika, saintifik dan klinikal serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan dalam semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan di seluruh dunia;
- Memastikan keselamatan pesakit dan sukarelawan yang mengambil bahagian dalam percubaan klinikal, melindungi kerahsiaan mereka dan mematuhi undang-undang privasi dan perlindungan data;
- Mematuhi undang-undang dan peraturan yang meliputi mendapatkan kebenaran pemasaran untuk menjual produk kita dan berinteraksi dengan pengawal selia dan pegawai kerajaan yang lain;
- Berpegang teguh pada undang-undang pembuatan, pembungkusan, pengedaran dan eksport yang berkenaan, undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan yang terpakai dan peraturan khusus yang lain untuk industri kita serta mematuhi undang-undang dan peraturan di negara kita menjalankan perniagaan;
- Mengikuti perubahan persekitaran tempat pekerja kita mengenali diri mereka, menawarkan panduan yang diperlukan untuk menyokong nilai Credo Kami;
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan promosi, pemasaran dan jualan produk kita termasuk memastikan perkara yang kita katakan adalah benar, tidak mengelirukan dan selaras dengan kelulusan pengawalseliaan bagi produk kita;
- Mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan kualiti dan keselamatan produk, memantau keselamatan, kualiti dan prestasi produk kita secara konsisten dan proaktif serta mematuhi semua keperluan untuk melaporkan kejadian buruk dan aduan kualiti produk.

Setiap pekerja mesti tampil bersuara jika dia percaya bahawa Syarikat kita tidak mematuhi undang-undang atau peraturan.

Bagaimanakah saya harus memberikan respons?

S: Seorang pengarah jualan daripada syarikat pesaing menghubungi saya untuk membincangkan harga produk masing-masing.

J: Anda tidak boleh sekali-kali berbincang dengan pesaing mengenai harga produk kita atau maklumat proprietari yang lain. Jika anda menerima panggilan daripada pesaing atau jika seseorang yang tidak dikenali mendekati anda untuk membincangkan harga, jelaskan kepadanya bahawa anda tidak boleh membincangkan harga produk kita dengan pesaing. Tamatkan perbualan dengan sopan dan laporkan kejadian tersebut kepada Pertubuhan Undang-undang Global.





Apakah yang patut saya lakukan?

S: Seorang pakar bedah memberitahu saya bahawa pengedar yang menjual produk kita telah menjemput beliau menjadi tetamu mereka untuk bermain golf pada hujung minggu di sebuah resort. Pakar bedah itu bertanya sekiranya jemputan itu wajar diterima kerana ia datang daripada pengedar kita dan bukannya daripada Johnson & Johnson.

J: Pengedar, ejen jualan dan pihak ketiga lain yang mewakili Syarikat tidak boleh terlibat dalam aktiviti yang akan dilarang jika ia dilakukan oleh pekerja Keluarga Syarikat Johnson & Johnson secara langsung. Anda perlu memberitahu pengurus anda, Pertubuhan Undang-undang Global atau Pematuhan Penjagaan Kesihatan dengan segera tentang perkara yang telah anda ketahui berkenaan dengan tingkah laku pengedar tersebut.

Undang-undang antirasuah dan antipenyelewengan

Johnson & Johnson mengambil pendirian yang tegas terhadap rasuah dan sogokan selaras dengan undang-undang antisogokan dan antirasuah yang wujud di banyak negara di seluruh dunia. Kita menuntut pendirian yang sama daripada rakan niaga kita. Kita dengan tegas melarang rasuah, kelakuan penipuan, sogokan, pembayaran haram dan sebarang tawaran barangan lain yang bernilai yang boleh mempengaruhi atau menjamin kelebihan tidak wajar dengan pegawai kerajaan, penjaga kesihatan profesional atau pelanggan.

Kita menyertai pelbagai pengaturan saintifik, pendidikan, jualan, promosi dan pemasaran dengan entiti awam dan swasta serta individu termasuk penjaga kesihatan profesional. Kita juga berinteraksi dengan pengawal selia kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan pihak berkuasa pemeriksaan. Sudah menjadi tugas kita untuk mematuhi undang-undang tempatan dan antarabangsa yang diterima pakai serta standard etika yang melarang sogokan dan rasuah serta untuk mengelak daripada mempengaruhi secara tidak wajar keputusan perubatan penjaga kesihatan profesional dan keputusan pembelian oleh entiti yang membeli produk dan perkhidmatan kita. Pindahan nilai kepada pihak ketiga mesti dilakukan pada nilai pasaran yang adil untuk perkhidmatan yang diberikan dan mesti wujud keperluan yang sah untuk barangan dan perkhidmatan tersebut. Geran dan derma hanya boleh diberikan sekiranya Johnson & Johnson tidak menerima apa-apa barangan yang bernilai sebagai balasan.

Untuk mendapatkan panduan tambahan, sila rujuk Rangka Kerja Global Pematuhan Penjagaan Kesihatan kita, Dokumen Panduan Kawal Selia A.S. dan Panduan Integriti Perniagaan Penjagaan Kesihatan (diterima pakai di seluruh dunia) yang merangkumi panduan mengenai Amalan Jualan & Pemasaran Beretika.

Lokasi dan pihak yang menjalankan perniagaan bersama kita mungkin berbeza-beza tetapi pendekatan kita adalah konsisten:

- Kita melayan rakan niaga, pesaing, pembuat keputusan dan pihak berkepentingan yang lain dengan rasa hormat.
- Kita berusaha untuk bekerjasama dengan pihak ketiga yang turut menghargai dan menunjukkan standard etika yang tinggi dalam amalan perniagaan mereka.

Hubungi Organisasi Pematuhan Penjagaan Kesihatan jika anda mempunyai soalan tentang pematuhan penjagaan kesihatan. Maklumat tambahan juga boleh didapati di laman Dasar & Kedudukan ESG kita termasuk Kedudukan Antirasuah dan Kedudukan Etika dan Pematuhan.

Undang-undang antitrust dan persaingan

Undang-undang antitrust dan persaingan menggalakkan persaingan yang adil dan melindungi pengguna daripada amalan perniagaan yang tidak adil. Undang-undang ini sering menangani perjanjian haram antara syarikat seperti penetapan harga. Undang-undang ini juga melarang amalan perniagaan tidak adil yang menyekat persaingan seperti penetapan harga predatori.

Kita mematuhi sepenuhnya semua undang-undang antitrust dan persaingan yang berkenaan. Kita bertanggungjawab untuk berurusan secara adil dengan pelanggan, pembekal, pesaing dan pihak ketiga yang lain. Kita mesti mencapai perjanjian yang sah dengan pesaing dan tidak terlibat dalam amalan perniagaan yang mungkin menyalahgunakan kedudukan pasaran kita. Hubungi Pertubuhan Undang-undang Global jika anda mempunyai soalan mengenai undang-undang antitrust dan persaingan.

Pematuhan perdagangan global: undang-undang antiboikot dan sekatan perdagangan

Sebagai pembekal global produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, kita bekerjasama bersama pembekal di seluruh pasaran dan mempunyai kewajipan untuk mematuhi undang-undang, peraturan dan pengawalan perdagangan tempatan, serantau dan antarabangsa yang terpakai termasuk sekatan perdagangan serta sekatan import dan eksport yang dikenakan oleh kerajaan di seluruh dunia. Dengan mengambil kira landskap geopolitik yang dinamik dan kompleks serta sekatan perdagangan yang berkembang sedang dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh dunia, kita mesti memenuhi kewajipan perdagangan global kita. Apabila persekitaran luaran berkembang, begitu juga cara kita bekerja. Sila hubungi Pematuhan Perdagangan Global, Pematuhan Penjagaan Kesihatan atau Pertubuhan Undang-undang Global jika anda mempunyai soalan mengenai transaksi rentas sempadan.

Hak asasi manusia

Berpandukan nilai Credo Kami, kita berusaha untuk menghormati dan mempromosikan hak asasi manusia di seluruh operasi kita melalui hubungan perniagaan dan dalam masyarakat kita—daripada individu yang membangun, mengeluarkan dan mengedarkan produk kita kepada doktor, jururawat dan pesakit yang menerima perkhidmatan kita.

Pendekatan kita adalah berdasarkan standard hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa termasuk Prinsip Panduan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta digariskan dalam Kedudukan Hak Asasi Manusia Johnson & Johnson. Semua pekerja harus mengetahui Kedudukan ini serta mematuhi panduan dan dasar berkaitan yang dinyatakan di dalamnya.



Pembayaran "negara ketiga"

Tiada sebarang bentuk pembayaran patut dibuat kepada pihak ketiga di mana-mana negara selain negara jualan dibuat atau perkhidmatan disediakan, atau di lokasi pengedar, ejen jualan atau penyedia perkhidmatan mempunyai tempat perniagaan yang cukup besar. Hubungi Pertubuhan Kewangan atau Undang-undang Global jika anda mempunyai soalan mengenai pembayaran "negara ketiga".

Aktiviti politik

Johnson & Johnson komited terhadap kewarganegaraan korporat dan penglibatan masyarakat. Sokongan dan sumbangan politik kita dibuat mengikut undang-undang bidang kuasa di tempat kita terlibat dalam aktiviti ini.

Kita menghormati hak pekerja untuk terlibat dalam aktiviti politik bagi menyokong kumpulan politik, pegawai kerajaan atau calon. Sebarang aktiviti sedemikian termasuk berkhidmat sebagai pegawai awam mestilah dilakukan secara sukarela dan dalam waktu peribadi pekerja, menggunakan perbelanjaan mereka sendiri dan tidak bercanggah dengan tanggungjawab individu terhadap Syarikat. Mestilah jelas ditunjukkan bahawa pekerja bertindak secara bebas dan bukan sebagai wakil Syarikat.

Aktiviti politik oleh Syarikat termasuk sumbangan dan sokongan politik serta sokongan lain kepada pegawai kerajaan, dikawal di bawah undang-undang kebanyakan negara di tempat Johnson & Johnson menjalankan perniagaan. Oleh itu, interaksi (semua aktiviti politik dan melobi serta mesyuarat) dengan pegawai kerajaan, pihak politik dan sokongan lain oleh pekerja kepada pegawai kerajaan serta sumbangan politik oleh pemimpin Syarikat di sesetengah negara mestilah diselaraskan dan dijajarkan dengan Hal Ehwal & Dasar Kerajaan Di Seluruh Dunia.

Bagaimanakah jika?

S: Seorang rakan saya sedang berkempen untuk jawatan politik. Bolehkah saya membantunya dengan kempen itu?

J: Ya, sokongan anda secara sukarela ialah keputusan peribadi anda. Namun, anda tidak boleh menggunakan sumber Johnson & Johnson dalam apa-apa jua keadaan—termasuk masa Syarikat, telefon, e-mel, bekalan, nama Syarikat atau jawatan anda dalam Syarikat—untuk memajukan kempen tersebut.

Perolehan awam

Pihak berkuasa awam ialah pelanggan penting bagi Keluarga Syarikat Johnson & Johnson. Di kebanyakan negara, badan awam seperti hospital kerajaan tertakluk pada undang-undang tempatan yang mengawal selia cara mereka mendapatkan produk dan perkhidmatan. Sebagai pembekal produk, kita juga perlu mematuhi undang-undang ini. Percubaan yang tidak wajar untuk mempengaruhi atau pemindahan nilai yang tidak wajar kepada kerajaan atau pegawai kerajaan adalah tidak dibenarkan.

Pekerja yang terlibat dalam proses tender atau mereka yang menawarkan penyediaan produk dan perkhidmatan kita di bawah perjanjian berkontrak kepada pihak berkuasa awam mestilah memahami dan mematuhi peraturan perolehan awam. Peraturan ini mungkin rumit tetapi sangat penting kepada perniagaan kita. Pertubuhan Undang-undang Global boleh menyediakan panduan tentang peraturan ini.

Pembelian adil

Syarikat kita membeli banyak barang dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menyokong kerja kita. Apabila pembelian barang ini dan barang lain dibuat, kita mesti bertindak dengan adil dan saksama terhadap vendor, pembekal dan penyedia perkhidmatan yang lain. Pekerja dikehendaki mematuhi dasar pembelian dan perolehan Syarikat.

Lihat bahagian Konflik Kepentingan dalam Tatakelakuan Perniagaan ini untuk mendapatkan panduan selanjutnya mengenai penerimaan hadiah dan hiburan daripada vendor, pembekal dan penyedia perkhidmatan serta menjalin hubungan peribadi dengan mereka.

Kelestarian serta undang-undang dan peraturan alam sekitar

Credo Kami menyatakan, "Kita mesti menjaga harta benda yang kita gunakan, memelihara alam sekitar dan sumber-sumber asli". Berpandukan Credo Kami, kita terus berusaha untuk memperbaik jejak persekitaran operasi kita, produk kita dan rantaian nilai kita sambil mengurus risiko alam sekitar. Pekerja dikehendaki mematuhi standard dan dasar di seluruh Syarikat serta membiasakan diri dan mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan dengan kerja khusus mereka, kemudahan dan produk yang kita sediakan di pasaran.

Kita bertanggungjawab terhadap masyarakat di kawasan kita tinggal dan bekerja serta kepada masyarakat dunia.

Kebajikan haiwan

Kita mempunyai tanggungjawab beretika dan pengawalseliaan untuk memastikan layanan beretika dan berperikemanusiaan terhadap haiwan yang terlibat dalam penyelidikan bioperubatan bagi memajukan keselamatan dan kesejahteraan pesakit. Johnson & Johnson mempunyai komitmen selama beberapa dekad terhadap prinsip 3R yang berkaitan dengan penggantian, pengurangan atau penghalusan untuk penyelidikan berasaskan haiwan. Kita menyokong penggunaan alternatif bukan haiwan pada bila-bila masa yang mungkin. Apabila alternatif bukan haiwan tidak boleh dilaksanakan, standard kita untuk penjagaan haiwan dan pemilihan model saintifik in vivo bertujuan untuk memenuhi atau melebihi semua peraturan yang berkenaan.

Privasi

Semasa menjalankan perniagaan, kita mengumpulkan dan menyimpan maklumat peribadi tentang pekerja, rakan niaga, pesakit, penjaga kesihatan profesional, pengguna, pengasuh dan individu lain termasuk data seperti maklumat hubungan, tarikh lahir dan maklumat kewangan, perubatan dan lain-lain. Apabila kita mengumpulkan dan memproses maklumat peribadi, kita berbuat demikian dengan mematuhi undang-undang yang terpakai dan dasar privasi dan perlindungan data Syarikat.

Maklumat peribadi hendaklah dikumpul hanya untuk tujuan perniagaan yang sah, dikongsi hanya bersama mereka yang dibenarkan akses, dilindungi mengikut dasar keselamatan dan disimpan hanya selama yang diperlukan. Kita juga mesti memastikan bahawa pihak ketiga yang mempunyai akses kepada maklumat peribadi itu diwajibkan secara kontrak untuk melindunginya menurut standard keselamatan data yang berkenaan.

Tahukah anda?

Pertubuhan Undang-undang Global sentiasa bersedia untuk menjalankan latihan dan memberikan nasihat untuk membantu perniagaan dan pekerja kita memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan di negara tempat kita menjalankan perniagaan.

Anda boleh mencari dasar komprehensif mengenai topik utama yang diliputi dari awal hingga akhir Tatakelakuan Perniagaan di Pusat Undang-undang Johnson & Johnson.

Layanan adil kepada pekerja

“Kami bertanggungjawab terhadap para pekerja yang bekerja dengan kami di seluruh dunia.”

Credo Kami

Layanan adil kepada pekerja

Penglibatan tenaga kerja kita

Di Johnson & Johnson, kita percaya dengan kuasa orang ramai dan menghargai budaya yang pelbagai, saksama dan inklusif di seluruh dunia yang tertanam kukuh dalam tingkah laku beretika, rasa hormat dan integriti yang wujud dalam Credo Kami. Apabila kita bertindak dengan integriti tertinggi, kita menghayati nilai Credo Kami dan menunjukkan keprihatinan penuh kita terhadap pelanggan dan rakan sekerja kita. Tenaga kerja yang melibatkan diri, berprestasi tinggi, sihat dan pelbagai akan memahami dan menangani cabaran dan keperluan yang dihadapi oleh pesakit, pelanggan, penjaga kesihatan profesional dan masyarakat kita dengan lebih baik.



Tanpa diskriminasi dan mencegah gangguan dan buli

Pekerja mesti dilayan dengan adil dan dihormati kerana sumbangan mereka. Syarikat kita menyediakan peluang pekerjaan yang sama rata. Kita menyediakan penyesuaian diri yang berpatutan kepada individu kurang upaya dan individu yang mempunyai keperluan berkaitan dengan ketaatan atau amalan agama mereka. Kita membuat keputusan pekerjaan berdasarkan merit dan mempertimbangkan kelayakan, kemahiran dan pencapaian. Kita tidak bertolak ansur terhadap diskriminasi berdasarkan ciri-ciri peribadi yang tidak berkaitan dengan pekerjaan seperti umur, jantina, bangsa, latar belakang etnik, orientasi seksual, identiti jantina, negara asal, kepercayaan agama atau berdasarkan keahlian kesatuan atau aktiviti kesatuan. Kita juga tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan atau buli.

Peruntukan ini terpakai untuk interaksi dengan pekerja, pelanggan, kontraktor, pembekal dan pemohon pekerjaan serta sebarang interaksi lain yang melibatkan pekerja yang mewakili Keluarga Syarikat Johnson & Johnson.

Persekitaran kerja yang selamat dan sihat

Di Johnson & Johnson, kita komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja, kontraktor dan pelawat yang bekerja dalam lingkungan atau melawat kemudahan dan premis kita.

Semua pekerja dan pelawat bertanggungjawab untuk mengutamakan kesihatan dan keselamatan. Mereka hendaklah:

- Melaporkan keadaan, kemalangan atau insiden yang tidak selamat dengan segera kepada penyelia dan tuan rumah.
- Mematuhi dasar, standard dan prosedur Syarikat yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan tempat kerja atau sebarang undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan tempat kerja tempatan jika penjagaan yang lebih teliti diperlukan.

Buruh kanak-kanak, pemerdagangan manusia dan buruh haram, buruh kasar atau buruh paksa tidak mempunyai tempat dalam operasi kita atau dalam operasi pembekal kita atau vendor pihak ketiga Keluarga Syarikat Johnson & Johnson. Selain memerlukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan tempatan, Johnson & Johnson mempunyai dasar yang melarang penggunaan buruh paksa atau buruh wajib dalam pembuatan produk dan komponen produk kita. Vendor pihak ketiga dikehendaki mematuhi Standard Tanggungjawab untuk Pembekal kita yang meliputi panduan mengenai etika, buruh, pekerjaan dan menghormati hak asasi manusia serta mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja mereka.

Apakah yang patut saya lakukan?

S: Pasukan saya lewat menyiapkan projek mengikut jadual dan syarikat operasi kita bergantung kepada kami untuk menepati tarikh akhir. Kami menemui cara untuk mencapai matlamat dengan melangkau beberapa prosedur keselamatan. Jika kami berhati-hati, bolehkah proses tersebut dipercepat untuk memenuhi sasaran hasil perniagaan?

J: Prosedur keselamatan diwujudkan untuk memastikan anda selamat dan untuk melindungi integriti produk kita dan kesihatan mereka yang menggunakannya. Tindakan melangkau prosedur keselamatan tidak dibenarkan. Berjumpalah dengan pengurus anda untuk membangunkan pelan bagi menyiapkan kerja secara selamat dan patuh prosedur.

Penggunaan media sosial dan aplikasi pemesejan mudah alih

Media sosial merangkumi apa-apa saluran komunikasi digital yang membolehkan individu mencipta dan berkongsi kandungan serta menyiarkan komen.

Pekerja mesti mematuhi semua dasar Syarikat semasa menggunakan media sosial mereka serta kandungan dan aset Syarikat yang berkaitan. Dasar ini terpakai kepada komunikasi yang berkaitan dengan tanggungjawab kerja dan komunikasi peribadi yang mungkin memberikan kesan kepada Syarikat. Dalam aktiviti peribadi di media sosial, pekerja hendaklah bersikap penuh hormat dan sedar bahawa tingkah laku mereka boleh memberikan kesan kepada cara pihak lain melihat identiti kita dan pendirian kita sebagai Syarikat.

Adakah ini boleh diterima?

S: Seorang rakan sekerja menyiarkan komen seksual yang menyinggung perasaan mengenai saya di laman media sosial peribadinya. Adakah rakan sekerja saya dibenarkan untuk berbuat demikian?

J: Tidak. Penggunaan media dalam talian oleh pekerja mesti mematuhi dasar Syarikat termasuk dasar gangguan Syarikat.

Pekerja dialu-alukan untuk berkongsi kandungan yang telah disediakan oleh Syarikat untuk kegunaan awam dengan rangkaian dalam talian mereka. Apabila bercakap mengenai Syarikat dan/atau produk dan perkhidmatan kita, pekerja hendaklah telus dan mendedahkan hubungan mereka dengan Syarikat seperti menggunakan tanda pagar #MyCompany, menyedari kewajipan pelaporan termasuk prosedur pelaporan kejadian buruk dan pelindungan maklumat sulit Johnson & Johnson. Pekerja hendaklah berhati-hati dengan kandungan yang dicipta, dikongsi dan disiarkan kerana Internet ialah ruang awam. Sentiasa gunakan pertimbangan yang baik apabila melibatkan diri dalam aktiviti media sosial. Ketahui perbezaan antara komunikasi sosial dengan komunikasi perniagaan kerana kebanyakan platform media sosial dan aplikasi mudah alih tidak diluluskan untuk komunikasi berkaitan perniagaan antara rakan sekerja atau antara pihak berkepentingan dalaman dengan luaran.

Dasar Pekerja untuk Penglibatan Digital dan Dasar Pemesejan Mudah Alih menyediakan dasar penuh Syarikat kita mengenai aktiviti pekerja dalam talian dan penggunaan aplikasi pemesejan mudah alih.



Senarai semak tanggungjawab anda

- Patuhi Tatakelakuan Perniagaan
- Bersikap inklusif
- Layan rakan sekerja anda dengan maruah dan rasa hormat
- Kekal selamat di tempat kerja dan bantu individu lain melakukan perkara yang sama
- Tampil bersuara jika seseorang melanggar Tatakelakuan Perniagaan kita tanpa mengira jawatan individu itu dalam Syarikat atau sama ada individu itu ialah vendor, pelanggan atau pekerja sementara
- Jika anda mempunyai soalan, minta bantuan

Integriti kewangan dan melindungi aset kita

“Tanggungjawab terakhir kami adalah terhadap pemegang saham kami.”

Credo Kami

Integriti kewangan dan melindungi aset kita

Ketepatan rekod Syarikat dan laporan awam

Johnson & Johnson ialah syarikat dagangan awam yang menjalankan perniagaan di banyak negara. Dalam semua urusan kita, kita mesti menyimpan buku dan rekod yang tepat yang mengekalkan integriti pelaporan kewangan Syarikat, menyokong keputusan dalaman yang diambil dan mengukuhkan reputasi kita dengan pihak berkepentingan.

Undang-undang menghendaki kita bersikap jujur dan tepat dalam rekod kewangan kita supaya ia mencerminkan transaksi perniagaan kita dengan sewajarnya. Di samping itu, kita dikehendaki membangunkan dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi. Banyak pihak bergantung kepada kita untuk melaporkan maklumat kewangan dengan benar, lengkap dan tepat pada masanya; antaranya ialah agensi kawal selia kerajaan, agensi penilaian serta pelabur institusi dan individu.

Laporan kewangan yang tidak tepat boleh menjejaskan keyakinan pemegang saham, memberikan kesan kepada reputasi kita dan menyebabkan Syarikat dikenakan denda dan penalti.

Berikut ialah contoh cara kita menerapkan integriti kewangan dalam proses kerja kita:

- Kita menjual dan membeli produk dan perkhidmatan berdasarkan kualiti, harga dan perkhidmatan—bukan sekali-kali berdasarkan pemberian atau penerimaan bayaran, hadiah, hiburan atau bantuan, atau berdasarkan hubungan lain dengan pembekal.
- Kita merekodkan jualan dan perbelanjaan dalam tempoh perakaunan yang sewajarnya menurut prinsip perakaunan yang diterima umum.
- Kita melarang penggunaan dana, aset atau maklumat Syarikat bagi sebarang tujuan haram termasuk pembelian keistimewaan atau manfaat khas melalui sogokan, sumbangan politik yang tidak sah atau bayaran haram yang lain. Kita mendedahkan dan merekodkan semua dana dan aset Syarikat dalam tempoh pelaporan yang sewajarnya.
- Kita menyimpan buku dan rekod Syarikat yang tepat dan tidak membuat kemasukan palsu atau tiruan atas sebarang sebab.

Berikut ialah beberapa peraturan yang perlu diingat:

- Sentiasa patuhi dasar perolehan dan pembelian Syarikat. Jika anda tidak pasti mengenai dasar tersebut, sila tanya pengurus anda.
- Pastikan semua bayaran atau penggunaan dana Syarikat disemak dan diluluskan oleh pengurus yang berkenaan, seperti yang dikehendaki. Apabila menyerahkan perbelanjaan perniagaan, patuhi dasar Perjalanan & Hiburan Syarikat dan dasar Pematuhan Penjagaan Kesihatan dan Integriti Perniagaan.
- Huraikan dengan jelas dan tepat semua permintaan untuk pembayaran dan sediakan dokumentasi sokongan; gunakan hasil kutipan hanya untuk tujuan yang diminta dan diluluskan.

Adakah ini boleh diterima?

S: Kita menerima invois yang besar daripada vendor untuk perkhidmatan yang diberikan. Saya telah diminta oleh pengurus saya untuk "menahan" invois ini sehingga suku tahun seterusnya supaya kita dapat mencapai sasaran kewangan kita untuk suku tahun ini. Apakah yang patut saya lakukan?

J: Semua pekerja diharapkan menjalankan tingkah laku beretika dan patuh dengan tahap integriti tertinggi seperti yang terkandung dalam Credo Kami dan Tatakelakuan Perniagaan. Kita mendedahkan dan merekodkan semua dana dan aset Syarikat dalam tempoh pelaporan yang sewajarnya. Hasil pendapatan dan perbelanjaan mesti dilaporkan dalam tempoh perakaunan yang betul. Dalam kes ini, jika barangan dan/atau perkhidmatan telah diterima, perbelanjaan mesti diakru. Anda tidak sepatutnya "menahan" invois itu tetapi anda patut bekerjasama dengan rakan Kewangan anda untuk mengakru liabiliti ini dengan sewajarnya. Jika pengurus anda atau pekerja lain meminta anda melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang atau bertentangan dengan dasar—bincangkan kebimbangan anda dengan pengurus anda atau kepimpinan kanan yang lain dalam organisasi anda, Pematuhan Penjagaan Kesihatan, Pertubuhan Undang-undang Global atau dengan menghubungi Talian Integriti Credo Kami.



Penggunaan aset Syarikat

Kita bergantung pada aset Syarikat untuk menyokong kerja kita setiap hari. Komputer, peranti mudah alih, perkakasan dan perisian teknologi maklumat, kenderaan, kemudahan, jentera, bahan mentah, inventori, harta intelek, bekalan, data dan aset lain diletakkan dalam jagaan kita dan hanya boleh digunakan bagi tujuan yang wajar dan mematuhi undang-undang. Kita juga mesti mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi aset-aset ini. Apabila bekerja dengan menggunakan maklumat atau alatan teknologi Syarikat (seperti komputer riba, e-mel, aplikasi, pangkalan data, dll.), pekerja hendaklah hanya memuat turun dan menggunakan perisian dan aplikasi yang diluluskan oleh J&J pada aset Syarikat, mencipta kata laluan rumit yang tidak mudah diteka dan tidak boleh sekali-kali berkongsi kata laluan. Maklumat syarikat tidak sepatutnya disimpan dengan perkhidmatan Internet, awan atau peranti yang tidak diluluskan yang mungkin tidak dilindungi dan mungkin diakses oleh individu yang tidak dibenarkan.

Apakah yang patut saya lakukan?

S: Saya ingin bercuti ke tempat jauh dan terputus hubungan sepenuhnya. Bolehkah saya meninggalkan komputer riba saya dengan pembantu pentadbiran saya untuk mengendalikan sebarang kelulusan dalam pelbagai sistem Syarikat bagi pihak saya? Saya percaya akan individu ini sepenuhnya, jadi saya tidak kisah berkongsi kata laluan saya dengannya.

J: Tidak. Pekerja tidak boleh sekali-kali memberikan kata laluan peribadi mereka kepada sesiapa pun. Sesetengah sistem membolehkan anda mewakilkan tindakan tertentu kepada orang lain; sistem lain mengajukan isu kepada pengurus anda sekiranya anda tidak hadir. Jika anda memintas kawalan ini, anda akan menjejaskan keselamatan sistem kita, mengelakkan tanggungjawab anda sendiri dan meletakkan pembantu anda dalam kedudukan yang melanggar dasar Syarikat.

Harta intelek dan maklumat perniagaan yang sulit

Harta intelek dan maklumat sulit Syarikat ialah aset yang tidak dapat diganti. Kita mesti menjaga dan melindungi penggunaan aset yang bernilai ini.

Harta intelek merangkumi hak cipta, paten, tanda dagangan, reka bentuk produk dan pakej, jenama dan logo, penyelidikan dan pembangunan, ciptaan dan rahsia perdagangan.

Pada setiap masa, kita hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi harta intelek dan maklumat perniagaan sulit Syarikat. Kita hendaklah mengelak daripada bercakap tentang atau berkongsi maklumat sedemikian di tempat awam seperti lif, lapangan terbang dan restoran. Selain itu, maklumat perniagaan sulit hendaklah disimpan pada peranti yang dibenarkan atau terurus dan hanya dihantar ke luar Syarikat dengan cara yang selamat menggunakan alatan yang diluluskan dan hanya kepada rakan niaga yang dibenarkan.

Sebarang kecurian harta intelek yang disyaki atau pendedahan maklumat Syarikat yang tidak dibenarkan atau akses kepadanya, hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pengurus anda atau kepada Pengurusan Keselamatan & Risiko Maklumat J&J, Keselamatan Global atau Pertubuhan Undang-undang Global.

Contoh maklumat perniagaan sulit

- Maklumat jualan yang terperinci
- Sasaran prestasi perniagaan
- Strategi produk
- Maklumat produk baharu
- Pengumuman yang belum selesai berkaitan dengan kakitangan
- Maklumat pemerolehan dan penyahlaburan
- Proses pembuatan dan reka bentuk peralatan
- Keutamaan penyelidikan dan hasil peringkat gerbang
- Data percubaan klinikal, rekod kesihatan dan maklumat peribadi sensitif yang lain
- Data peribadi pekerja, pesakit, pelanggan dan individu yang berinteraksi dengan kita

Penggunaan Kecerdasan Buatan Generatif

Kecerdasan Buatan Generatif (GenAI) ialah kategori kecerdasan buatan yang menjana output berdasarkan data yang dilatih. Kandungan ini boleh termasuk teks, imej, suara atau bentuk media yang lain.

GenAI ialah sebuah bidang teknologi baru muncul yang mempunyai potensi luar biasa merentas semua industri. Namun, kita harus ingat bahawa teknologi ini masih dalam kemajuan dan kita harus menavigasi terain ini secara bertanggungjawab, dipandu oleh Credo Kami.

Semua pekerja, kontraktor dan pembekal mesti mematuhi Garis Panduan Penggunaan Bertanggungjawab AI Generatif dan tidak menggunakan penyelesaian GenAI untuk aktiviti yang akan dilarang di bawah dasar sedia ada termasuk tetapi tidak terhad pada Tatakelakuan Perniagaan Syarikat, dasar Privasi Syarikat, Dasar Perlindungan Aset Maklumat (IAPP), Dasar Pelesenan Sumber Terbuka dan dasar lain yang berkaitan. Penggunaan penyelesaian GenAI hendaklah terbuka dan telus. Sebarang penggunaan penyelesaian GenAI untuk perniagaan sebelum ini dan akan datang mestilah dilaporkan dengan mengikuti proses yang diterangkan dalam Garis Panduan Penggunaan Bertanggungjawab AI Generatif. Selain itu, hasil GenAI mesti disemak dan disahkan terhadap risiko yang diketahui termasuk ketidaktepatan, bias, akauntabiliti dan pelanggaran lesen perisian sumber terbuka.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan panduan selanjutnya mengenai topik ini, sila hubungi wakil Undang-undang, Privasi atau Keselamatan Maklumat & Pengurusan Risiko anda.



Tempat mendapatkan bantuan

Pekerja mesti mematuhi semua dasar Syarikat semasa menggunakan media sosial mereka serta kandungan dan aset Syarikat yang berkaitan. Dasar Pekerja untuk Penglibatan Digital dan Dasar Pemesejan Mudah Alih menyediakan dasar penuh Syarikat kita mengenai aktiviti pekerja dalam talian dan penggunaan aplikasi pemesejan mudah alih.

Menghormati rahsia perdagangan dan maklumat sulit

Kita menghormati rahsia perdagangan dan maklumat sulit syarikat dan individu lain. Kita mengumpulkan maklumat tentang pesaing kita daripada domain awam dan kita tidak membenarkan pengumpulan tidak wajar bagi maklumat proprietari pihak lain.

Bagi mendapatkan maklumat tentang pesaing, kita mencari sumber awam seperti media, bahan rujukan perdagangan, Internet, kertas mahkamah, pemfailan kawal selia atau dokumen awam yang lain. Kita mengelakkan perbincangan mengenai maklumat sensitif dan sulit dengan pekerja pesaing kita dalam semua keadaan termasuk semasa persatuan profesional atau mesyuarat industri. Kita bersikap jujur dalam kenyataan kita kepada orang lain dalam industri dan tidak sekali-kali memberikan gambaran yang salah mengenai identiti kita atau tempat kerja kita untuk mengetahui sesuatu tentang pesaing.

Apakah yang patut saya lakukan?

S: Saya memerlukan wang tunai dengan segera dan ingin menjual saham Syarikat saya. Tetapi saya khuatir untuk melakukannya sekarang kerana saya sedar tentang peristiwa besar yang akan berlaku dalam Syarikat kita pada bulan depan dan itu bukan maklumat awam.

J: Sila hubungi AskCorporateSecretary@its.jnj.com jika anda mempunyai soalan mengenai undang-undang sekuriti dan perdagangan orang dalam atau jika anda tidak pasti sama ada anda memiliki maklumat penting bukan awam.

Pematuhan terhadap undang-undang sekuriti dan perdagangan orang dalam

Mengikut undang-undang, kita dikehendaki mendedahkan kepada umum maklumat penting tertentu tentang Syarikat kita seperti jualan, pendapatan, pengambilalihan/penyahlaburan yang penting, hal ehwal pengawalseliaan dan kejadian penting yang lain. Apabila kita mendedahkan maklumat ini kepada umum, sudah menjadi tanggungjawab kita untuk melakukannya secara lengkap, tepat, tepat pada masanya dan dengan cara yang boleh difahami.

Pekerja boleh mendapat tahu tentang maklumat penting Syarikat sebelum ia disiarkan kepada orang ramai; walau bagaimanapun, sudah menjadi tanggungjawab setiap pekerja untuk merahsiakan maklumat bukan awam yang penting.

Jika pekerja mempunyai maklumat penting yang belum didedahkan kepada umum, mereka tidak dibenarkan untuk:

- Membeli atau menjual saham Johnson & Johnson atau melakukan opsyen "jual" atau "beli" terhadap saham Johnson & Johnson;
- Melakukan pemindahan atau pelarasan kepada instrumen pelaburan lain termasuk dana persaraan;
- Mendedahkan maklumat penting bukan awam kepada keluarga, rakan atau mana-mana individu lain di luar Syarikat;
- Mengesyorkan kepada keluarga, rakan atau orang lain untuk membeli atau menjual saham Johnson & Johnson atau melakukan opsyen "jual" atau "beli" terhadap saham Johnson & Johnson.

Mematuhi undang-undang sekuriti melangkaui sempadan Syarikat kita. Pekerja tidak boleh membeli atau menjual sekuriti mana-mana syarikat lain dengan menggunakan maklumat penting bukan awam yang diketahui semasa menjalankan tugas mereka atau melalui cara lain.

Senarai semak tanggungjawab kita

- Lindungi aset Syarikat kita termasuk aset fizikal seperti komputer, telefon, peranti mudah alih, jentera, kenderaan, dokumen dan aset intelektual seperti idea dan ciptaan
- Patuhi keperluan perlindungan data dan privasi serta tidak menggunakan aplikasi atau saluran lain yang tidak dibenarkan untuk menyampaikan maklumat proprietari
- Laporkan dengan segera sebarang kebimbangan tentang aktiviti haram atau tidak dibenarkan
- Jangan sekali-kali terima atau tawarkan sogokan atau hadiah yang tidak wajar
- Bersikap jujur dan tepat apabila melaporkan perbelanjaan, jualan dan maklumat kewangan yang lain

Konflik kepentingan

“Kami bertanggungjawab terhadap masyarakat di kawasan kami tinggal dan bekerja serta kepada masyarakat dunia.”

Credo Kami

Konflik kepentingan

Bilakah berlakunya "konflik kepentingan"?

Konflik kepentingan ialah situasi apabila seseorang atau organisasi mempunyai kepentingan, kewangan atau sebaliknya yang berkonflik, dan mendukung satu kepentingan boleh memberikan kesan buruk terhadap kepentingan atau tanggungjawab lain.

Konflik kepentingan peribadi berlaku apabila hubungan atau aktiviti peribadi boleh mempengaruhi pertimbangan dan keupayaan seseorang untuk menjalankan kerja secara objektif dan memenuhi semua tanggungjawab tugas kepada majikan. Malah, tanggapan atau persepsi konflik kepentingan boleh meletakkan Syarikat kita dalam keadaan berisiko. Sebagai pekerja, kita tidak boleh sekali-kali membenarkan rasa setia yang berbelah bagi atau keuntungan atau manfaat peribadi menghalang kita daripada melakukan perkara yang terbaik untuk kepentingan Syarikat kita serta pesakit dan pengguna yang menerima perkhidmatan kita.

Konflik kepentingan organisasi boleh berlaku apabila entiti dalam Keluarga Syarikat Johnson & Johnson mempunyai hubungan yang berkonflik dengan entiti lain seperti kerajaan, kumpulan pembayar, penyedia khidmat penjagaan kesihatan atau individu dalam entiti ini atau terlibat dalam aktiviti yang mewujudkan keutamaan atau berat sebelah yang memihak kepada Syarikat. Sebagai contoh, konflik atau tanggapan konflik boleh berlaku apabila syarikat kita bekerjasama dalam pembangunan produk dan menyokong sistem penjagaan kesihatan serta infrastruktur atau garis panduan rawatannya, di samping turut berusaha untuk menjual produk atau perkhidmatan kepada entiti tersebut. Konflik kepentingan organisasi juga mungkin berlaku apabila Syarikat memiliki maklumat sensitif kerajaan dan menggunakan maklumat tersebut untuk menyediakan tender yang lebih disukai.

Tidak selalunya jelas sama ada sesuatu aktiviti mewujudkan konflik kepentingan atau tidak. Walau bagaimanapun, sudah menjadi tanggungjawab setiap pekerja untuk mendedahkan konflik yang mungkin berlaku, sama ada konflik peribadi atau organisasi. Atas sebab ini, pekerja diharapkan berbincang mengenai sebarang konflik peribadi yang berkemungkinan—atau bertanya cara terbaik untuk mengendalikan situasi yang mungkin terdapat konflik—dengan pengurus mereka atau seseorang daripada Jabatan Sumber Manusia, Pematuhan Penjagaan Kesihatan atau Pertubuhan Undang-undang Global. Jika konflik atau kemungkinan konflik wujud, perbincangan dengan pengurus anda hendaklah dilaporkan dan didokumenkan dalam WORKDAY. Ini akan membantu melindungi pekerja tersebut dan Johnson & Johnson sekiranya situasi itu dipersoalkan nanti. Konflik organisasi hendaklah dibincangkan dengan Pematuhan Penjagaan Kesihatan atau Pertubuhan Undang-undang Global.

Adakah ini konflik?

S: Dengan mengambil kira reputasi Johnson & Johnson di negara saya, pasukan komersial saya telah diminta untuk mendapatkan nasihat mengenai pembangunan garis panduan rawatan tempatan. Bolehkah diterima untuk kami meneruskannya?

J: Keadaan ini merupakan konflik organisasi. Anda perlu mendapatkan nasihat Pertubuhan Undang-undang Global dan Hal Ehwal & Dasar Kerajaan Di Seluruh Dunia untuk mendapatkan panduan mengenai cara terbaik untuk memastikan sebarang sokongan terhadap inisiatif dasar kesihatan tempatan dikendalikan dengan menggunakan perlindungan yang sesuai, mematuhi undang-undang tempatan dan mengelakkan persepsi bahawa dasar itu berat sebelah kepada produk kita.

Fikirkannya secara menyeluruh

- Adakah aktiviti atau hubungan ini akan mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi keupayaan saya untuk membuat keputusan perniagaan yang wajar dan tidak berat sebelah atau sebaliknya mengganggu keupayaan saya untuk melakukan kerja saya?
- Adakah saya secara peribadi akan memperoleh sesuatu atau adakah ahli keluarga akan mendapat manfaat daripada penglibatan saya dalam aktiviti ini berdasarkan status saya sebagai pekerja Keluarga Syarikat Johnson & Johnson?
- Adakah saya akan menggunakan aset Syarikat untuk keuntungan peribadi?
- Adakah penyertaan saya akan menyebabkan saya mengutamakan kepentingan saya berbanding dengan perkara yang paling baik untuk Syarikat?
- Adakah pendedahan aktiviti tersebut kepada orang ramai akan merosakkan reputasi Johnson & Johnson?

Jika anda menjawab "ya" kepada mana-mana soalan di atas, bincangkan situasi tersebut dengan pengurus anda dan laporkan konflik kepentingan anda melalui WORKDAY.

Hadiah, hiburan, hospitaliti, perjalanan dan benda lain yang bernilai

Pembekal, vendor dan pihak lain yang berurusan dengan kita adalah penting untuk kejayaan Syarikat kita. Bagi memastikan hubungan kita dengan mereka adalah jujur dan objektif, kita mengelakkan sebarang konflik kepentingan.

Konflik kepentingan boleh berlaku apabila pekerja meminta atau menerima hadiah, bayaran, pinjaman, perkhidmatan atau sebarang bentuk pampasan daripada pembekal, pelanggan, pesaing atau pihak lain yang ingin menjalankan perniagaan dengan Syarikat kita. Pekerja hanya boleh menerima hadiah, hiburan, hospitaliti, perjalanan atau benda lain yang bernilai daripada pembekal, vendor atau kontraktor lain sekiranya ia sederhana, bukan tunai atau setara tunai dan tidak mempengaruhi keputusan perniagaan.

Dasar Pematuhan Penjagaan Kesihatan kita memberikan panduan khusus mengenai menawarkan hadiah, hiburan, hospitaliti dan manfaat yang serupa kepada penjaga kesihatan profesional dan pegawai kerajaan.

Apakah yang dibenarkan?

Sebagai sebuah syarikat global, kita beroperasi di pelbagai persekitaran yang aktiviti tertentu merupakan penzahiran kesopanan atau cerminan amalan masyarakat dan/atau budaya. Kita menghormati norma budaya setakat yang boleh di bawah undang-undang dan peraturan tempatan yang mengawal kita tetapi aktiviti itu tidak boleh melanggar Tatakelakuan Perniagaan ini. Mungkin ada kalanya kita mesti mengubah suai respons kita secara bertimbang rasa dan mengambil kira kesensitifan budaya terutamanya jika penjaga kesihatan profesional atau pegawai kerajaan terlibat.

Aktiviti yang menjadi kelaziman termasuklah hospitaliti yang sederhana nilainya seperti makan tengah hari atau makan malam dan hadiah bernilai minimum sekali-sekala yang tidak mempengaruhi keputusan klinikal atau perniagaan. Walaupun sukar untuk mentakrifkan "lazim" atau "sederhana", pendekatan terbaik adalah dengan mengamalkan pertimbangan yang baik. Jika anda ditawari apa-apa sahaja yang bernilai melebihi nilai nominal, anda mesti mendapatkan nasihat pengurus anda. Anda hendaklah mengelakkan aktiviti yang berlebihan atau kejadian yang kerap berlaku. Sebagai contoh, jika tindakan tersebut akan menyebabkan pihak ketiga beranggapan bahawa hadiah atau perkhidmatan itu menjejaskan pertimbangan anda, maka ia adalah berlebihan dan hendaklah ditolak.

Berikut ialah beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan jika vendor menawarkan sesuatu hadiah:

- Adakah hadiah itu "sederhana" atau "lazim"?
- Adakah hadiah itu bernilai lebih daripada nilai nominal?
- Adakah vendor tersebut kerap memberikan hadiah?
- Adakah hadiah itu berpotensi memberikan kesan atau mempengaruhi keobjektifan perniagaan?

Pekerja dibenarkan untuk mendapatkan pinjaman peribadi daripada institusi kewangan yang menjalankan perniagaan dengan Syarikat asalkan pinjaman tersebut dibuat berdasarkan kadar dan syarat semasa. Peraturan yang sama diterima pakai apabila pekerja membeli produk atau perkhidmatan daripada vendor kita. Transaksi hendaklah didasarkan pada terma sama yang ditawarkan kepada mana-mana orang awam kecuali seperti yang dihuraikan dalam pelbagai program manfaat pekerja.

Ingatlah—tidak melaporkan konflik kepentingan yang mungkin berlaku merupakan satu pelanggaran Tatakelakuan Perniagaan kita. Apabila berasa ragu, anda hendaklah mendapatkan panduan daripada pengurus anda.

Adakah ini konflik?

Seorang pembekal menghantar bakul hadiah yang penuh dengan gula-gula kepada saya. Bolehkah saya menerimanya?

- Anda boleh menerima hadiah kecil yang bernilai sederhana. Walau bagaimanapun, jika hadiah itu diberikan oleh pihak ketiga yang mungkin berfikir hadiah itu boleh mempengaruhi atau mengganggu proses anda membuat keputusan, gunakan akal budi sama ada anda hendak menerimanya dan berbincanglah dengan pengurus anda.

Pasukan kita sedang merundingkan perlindungan perubatan dan pembayaran ganti dengan sistem kesihatan kerajaan dan mendapat tahu bahawa organisasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) kita ialah pesaing utama bagi satu geran kerajaan yang besar untuk memajukan program penyelidikan dan pembangunan yang inovatif. Adakah saya dibenarkan menyebut geran ini dalam rundingan saya dengan mengukuhkan kenyataan bahawa Syarikat kita mempunyai banyak pertalian dengan kerajaan dan hubungan kita yang kukuh?

- Tidak. Anda hendaklah memastikan rundingan perlindungan perubatan dan pembayaran ganti tersebut diasingkan daripada usaha yang dirancang oleh organisasi R&D. Walau bagaimanapun, anda mungkin dikehendaki mendedahkan pelbagai hubungan dalam tawaran anda bersama dengan langkah yang diambil untuk mengurangkan sebarang potensi konflik kepentingan organisasi. Konflik kepentingan boleh memberikan kesan negatif yang ketara terhadap reputasi dan keberkesanan Johnson & Johnson serta terhadap produk dan perkhidmatan kita.

Bolehkah saya mempelawa pelanggan untuk menghabiskan masa seminggu di rumah percutian saya?

- Pada umumnya memang tidak wajar untuk menawarkan sesuatu yang melebihi nilai sederhana kepada pelanggan, pengedar atau vendor. Walau bagaimanapun, jika anda mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan individu tersebut, hal ini mungkin boleh diterima menurut beberapa syarat tertentu. Bincangkan situasi ini dengan pengurus anda. Anda hendaklah mendokumenkan hasil perbincangan tersebut dengan pengurus anda secara bertulis jika keputusan dibuat bahawa tawaran anda boleh diterima dan anda membuat keputusan untuk meneruskannya.

Salah seorang rakan saya dari universiti mempunyai sebuah syarikat penyelidikan pasaran. Dia memberi saya pembentangan projek yang sangat menarik untuk Johnson & Johnson pada harga yang sangat rendah. Adakah saya dibenarkan untuk memberinya urus niaga itu?

- Walaupun perbelanjaan tidak tinggi, kita perlu memastikan keputusan akhir adalah berdasarkan kriteria yang objektif. Anda hendaklah mendedahkan hubungan anda dan keadaan tersebut kepada pengurus anda. Jika Syarikat membuat keputusan untuk meneruskannya, anda hendaklah mendokumenkan hasil perbincangan dengan pengurus anda secara bertulis termasuk melalui e-mel, dengan menggariskan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan sebarang kemungkinan konflik.

Pelaburan peribadi, transaksi dan kepentingan perniagaan luar

Kita tahu bahawa kesihatan kewangan adalah penting kepada pekerja kita dan keluarga mereka. Ada masanya, pekerja mungkin mahu membuat pelaburan perniagaan atau melakukan kerja tambahan untuk membantu mereka membina jaminan kewangan. Walau bagaimanapun, pekerja mesti berhati-hati untuk mengelakkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan termasuk mengelakkan aktiviti yang mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi keupayaan mereka untuk membuat keputusan perniagaan yang wajar dan tidak berat sebelah, menggunakan aset Syarikat termasuk masa untuk manfaat peribadi atau manfaat orang lain, atau sebaliknya mengganggu keupayaan mereka untuk melakukan tugas mereka.

Perkara yang perlu dielakkan

- Penggunaan aset Syarikat—fizikal atau intelektual—untuk keuntungan peribadi
- Menyediakan perkhidmatan kepada pesaing, pembekal, pembekal atau pelanggan yang dicadangkan sebagai pekerja, pengarah, pegawai, rakan kongsi, ejen atau perunding
- Aktiviti yang mempengaruhi atau cuba mempengaruhi mana-mana transaksi perniagaan antara Syarikat dengan entiti lain yang seseorang pekerja mempunyai kepentingan kewangan secara langsung atau tidak langsung atau bertindak sebagai pengarah, pegawai, pekerja, rakan niaga, ejen atau perunding
- Pembelian atau penjualan sekuriti syarikat lain dengan menggunakan maklumat bukan awam yang anda peroleh melalui kerja anda

Ahli keluarga dan hubungan peribadi yang rapat

Hubungan dengan ahli keluarga dan rakan peribadi yang rapat boleh mempengaruhi keputusan kita. Kita mesti berhati-hati tentang keputusan perniagaan Syarikat yang melibatkan hubungan peribadi yang rapat.

Bagi mengelakkan konflik kepentingan, pekerja hendaklah:

- Mengelak daripada menyelia atau mengambil bahagian dalam pengambilan pekerja atau kenaikan pangkat yang melibatkan ahli keluarga.
- Mengelak daripada memegang jawatan yang mempunyai akses atau pengaruh terhadap penilaian prestasi, maklumat gaji atau maklumat sulit lain yang berkaitan dengan ahli keluarga.

Situasi ini juga hendaklah dielakkan berhubung dengan pekerja lain atau bakal pekerja yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan pekerja kita di luar Syarikat.

Jika mana-mana situasi ini berlaku, pekerja mesti memberitahu pengurus mengenai hubungan tersebut. Pengurus akan menilai situasi tersebut, mendapatkan nasihat pihak pengurusan jika perlu, dan boleh memilih untuk memindahkan seorang daripada pekerja itu kepada jawatan lain yang tidak berkonflik.

Hubungan peribadi yang rapat ialah hubungan rapat anda dengan ahli keluarga atau orang lain yang boleh menjejaskan keobjektifan anda semasa membuat keputusan perniagaan.



Adakah ini konflik?

Keluarga saya mempunyai kepentingan pemilikan dalam syarikat pengedaran yang semakin berkembang. Saya ingin membenarkan penggunaan pengedar ini untuk perniagaan Johnson & Johnson kerana saya boleh mendapatkan tawaran yang sangat bagus. Jika saya memberitahu pengurus saya tentang kepentingan keluarga saya dalam perniagaan tersebut, adakah kita dibenarkan untuk mengupah syarikat pengedaran itu?

- Anda dibenarkan untuk memperkenalkan pengedar tersebut kepada perniagaan kita. Anda mesti mendedahkan sepenuhnya hubungan keluarga dan hubungan anda sendiri dan kemudian, menarik diri daripada proses membuat keputusan dan pengurusan projek. Keputusan akhir hendaklah dibuat secara bebas oleh pemimpin kanan dalam perniagaan tanpa penglibatan anda dan anda tidak sepatutnya cuba mempengaruhi hasil keputusan dalam apa-apa jua cara.

Adik ipar saya ialah individu yang paling sesuai untuk jawatan pemasaran baharu yang akan ditawarkan. Bolehkah saya meneruskan proses dan menggajinya tanpa proses temu duga atau tawaran?

- Tidak. Anda boleh mengesyorkannya tetapi dia mesti melalui proses permohonan biasa. Selain itu, anda perlu menarik diri daripada proses membuat keputusan dan anda tidak sepatutnya cuba mempengaruhi hasil keputusan dalam apa-apa jua cara.

Keahlian lembaga di luar Syarikat

Berkhidmat dalam lembaga di luar Syarikat boleh menimbulkan konflik kepentingan dan hendaklah didedahkan serta dibincangkan dengan pengurus anda. Sebelum menerima keahlian mana-mana lembaga, anda mesti memahami tanggungjawab anda yang sah dari segi undang-undang dan mengelakkan penggabungan yang membawa potensi gangguan dan konflik kepentingan. Dasar keahlian lembaga di luar Syarikat kita memberikan panduan tambahan.

Ketahuilah 3 "D"

Dedahkan (Disclose)

Bincangkan (Discuss)

Buat Keputusan (Decide)

Pendedahan adalah penting. Jika anda berhadapan dengan perkara yang samar-samar dan tidak pasti sama ada sesuatu aktiviti itu akan menimbulkan konflik kepentingan, berbincanglah dengan pengurus, penyelia anda atau sesiapa sahaja yang disenaraikan di bahagian "Tempat untuk mendapatkan nasihat dan panduan tentang Tatakelakuan Perniagaan kita" mengenai kebimbangan anda.



Di manakah tempat untuk mendapatkan nasihat dan panduan tentang Tatakelakuan Perniagaan kita?

Walaupun Tatakelakuan Perniagaan kita memberikan beberapa contoh konflik kepentingan, memang mustahil untuk menentukan setiap situasi. Jika anda mempunyai konflik kepentingan atau tidak pasti sama ada anda mempunyai konflik, anda dikehendaki memberikan butiran konflik tersebut kepada pengurus anda dan/atau pengurusnya atau kepada rakan niaga Sumber Manusia atau Pertubuhan Undang-undang Global anda. Pergi ke bahagian konflik kepentingan dalam WORKDAY untuk mengisytiharkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan.

Tatakelakuan Perniagaan

Hayati Credo Kami, fahami Tatakelakuan Perniagaan kita

Johnson & Johnson

Ini ialah versi semasa Tatakelakuan Perniagaan Johnson & Johnson yang dikemaskinikan pada 2024 dan akan menggantikan semua versi sebelumnya.

© Johnson & Johnson Services, Inc. 2024